



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Kolaborasi Pengajaran Fizik: UiTM Kampus Mukah dan UNITEN

Penulis: Nurain Johar, Ts. Mohd Hafizz Wondi dan Muhamad Syukrie Abu Talip

MUKAH: UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) untuk satu program kolaborasi pengajaran. Inisiatif ini diadakan khusus untuk pelajar Pra Diploma Sains (AS007 & AS008) yang mengambil kursus *Physics for Pre Science* (PHY083) dan pelajar Pra Diploma Sains STEM C & Sastera (AS002 & AS003) yang mengambil *Physics for Pre Diploma I* (PHY011).

Program ini telah diadakan menerusi dua sesi dengan penganjuran sesi pertama pada 11 Disember 2022 (Ahad) dan sesi kedua telah diadakan pada 5 Januari 2023 (Khamis). Cik Nurain Johar dan Ts. Mohd Hafizz Wondi yang merupakan tenaga pengajar kod kursus fizik di UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah dengan sokongan oleh Ketua Pusat Pengajian Encik Muhamad Syukrie Hj. Abu Talip telah menjemput penceramah jemputan luar dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) iaitu Puan Nur Aimi Syaqlah Aziz. Beliau merupakan pensyarah bidang fizik yang mempunyai pengalaman hampir 10 tahun mengajar dan kini merupakan Ketua Program bagi Jabatan Pengajian Diploma dan Asasi UNITEN. Sesi ini telah diadakan secara *hybrid* di mana penceramah menyampaikan pengajaran menggunakan medium Webex dan para pelajar serta fasilitator terlibat berkumpul di Bilik Seminar FPA.

Sesi perkongsian yang disampaikan oleh Puan Aimi dilihat mampu membantu pelajar memahami topik silibus yang disampaikan kerana bukan sahaja pelajar dapat mendengar sesi kuliah yang disampaikan, malahan sesi ini turut melibatkan sesi diskusi bersama fasilitator. Perbincangan bersama pelajar dilaksanakan dengan melihat contoh-contoh soalan menjurus kepada penyelesaian masalah dan pemahaman konsep dan teori untuk kursus Fizik.

COLLABORATIVE TEACHING
PHY083 PHYSICS FOR PRE SCIENCE

Pusat Pengajian Sains, Perlindungan & Agroteknologi
UiTM Cawangan Sarawak,
Kampus Mukah

05 Januari 2023 (Khamis)
2.00 pm - 5.00 pm (Bilik Seminar 1 FPA)

Moderator:
Cik Nurain Johar
Pensyarah Fakulti Sains Gunaan
UiTM Kampus Mukah

Penceramah:
Puan Nur Aimi Syaqlah Aziz
Pensyarah Pengajian Asas & Diploma
UNITEN

webex: <https://rebrand.ly/rsvccw>

COLLABORATIVE TEACHING
PHY083 PHYSICS FOR PRE SCIENCE

Pusat Pengajian Sains, Perlindungan & Agroteknologi
UiTM Cawangan Sarawak,
Kampus Mukah

11 December 2022 (Ahad)
8.30 am - 12.00 pm (Bilik Seminar 1 FPA)

Moderator:
Cik Nurain Johar
Pensyarah Fakulti Sains Gunaan
UiTM Kampus Mukah

Penceramah:
Puan Nur Aimi Syaqlah Aziz
Pensyarah Pengajian Asas & Diploma
UNITEN

webex: <https://rebrand.ly/kw2yu7>